

DBKK terima pakai, warta piagam penarafan bangunan hijau untuk Sabah, kata Mayor

KOTA KINABALU: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) menerima pakai dan mewartakan satu-satunya piagam penarafan bangunan hijau untuk negeri ini, kata Mayor Bandaraya Datuk Abidin Madingkir.

Beliau berkata, DBKK melihat piagam itu sebagai satu peluang untuk menetapkan dasar progresif dan mampan, sekali gus mengurangkan kesan dan risiko kepada alam sekitar serta ekonomi negeri ini bagi mencapai ekonomi kukuh yang didorong oleh kecemerlangan hijau dalam pembuatan, pelancongan, sektor perkhidmatan dan pembinaan.

"Setakat ini, saya telah dimaklumkan bahawa Indeks Bangunan Hijau atau Green Building Index (GBI) telah menauliahkan lebih 75 juta kaki persegi keluasan bangunan hijau di Malaysia.

"Bangunan Pusat Konservasi Balai Seni Lukis Sabah adalah satu-satunya bangunan hijau di Sabah yang menerima sijil Indeks Bangunan Hijau. Ini menunjukkan bahawa GBI telah diterima secara meluas oleh industri dan pihak yang berkepentingan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Green Construction and Green Building Investment & Tax incentives sempena ulang tahun ketiga GBI di Sabah, di Sutera Harbour di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengerusi Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) Cawangan Sabah Ar. Victor Wong Kon Yu, Presiden Malaysia Green Building Confederation (MGBC) Ir. Looi Hip Peu dan Pengerusi Panel Akreditasi Indeks Bangunan Hijau Ar. Boon Chee Wee.

Dalam hal ini, Abidin berharap lebih banyak projek dari negeri ini dapat menyumbang kepada statistik GBI, sekali gus membantu mencapai impian rakyat untuk melihat negeri ini sentiasa bersih dan hijau.



ABIDIN (dua dari kiri) menerima cendera kenangan daripada Looi, turut kelihatan Victor (dua dari kanan) dan Boon (kiri sekali).

Beliau berkata pada tahun 2009 Indeks Bangunan Hijau telah ditubuhkan dan hanya satu tahun kemudian, GBI telah dilancarkan di Sabah oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun.

Abidin berkata Sabah sentiasa berbangga kerana dianugerahkan dengan tarikan yang indah dan khazanah alam semulajadi yang menjadikan negeri ini setiap tahun sebagai "Tahun Melawat Sabah".

Bagi mengukuhkan persekitaran negeri dan pelancongan, katanya DBKK akan terus melindungi, memelihara dan mengekalkan eko-sistem khususnya di kawasan bandaraya.

"Bagi mencapai matlamat itu, tumpuan utama diberikan

kepada usaha untuk mengekalkan dan menyelia pembangunan mampan selain melindungi flora dan fauna.

"Kita melihat bangunan hijau sebagai sebahagian daripada inisiatif kita. Apapun, kita tidak boleh melakukannya sendirian. Ia memerlukan usaha kolektif dan sinergi daripada sektor swasta dan rakyat secara keseluruhannya," katanya.

Oleh itu beliau beliau menyambut baik kerjasama institusi profesional seperti MGBC, GBI dan PAM cawangan Sabah yang menghulurkan bantuan bagi membantu DBKK dan negeri ini menjayakan agenda hijau atau program penghijauan. -
OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabahtimes.com.my)